

# TM sedia perkhidmatan Dome, IPVN untuk UniSZA

Utusan 25/2/14

KUALA LUMPUR 24 Feb. - Telekom Malaysia Bhd. (TM) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) memeterai perjanjian lima tahun untuk meningkatkan kapasiti internet di universiti dalam usaha meningkatkan penyampaian perkhidmatan untuk faedah petugas akademik, tenaga kerja dan pelajar.

Naib Presiden TM untuk sektor kerajaan, Hamdan Ismail berkata, menerusi perjanjian itu, TM akan menyediakan perkhidmatan secara langsung Metro-E (DOME) pada kelajuan satu gigabit sesaat (Gbps)

dan Rangkaian Internet Persendirian Maya (IPVPN) kepada UniSZA.

"Dengan sambungan bersepadu dan lebih pantas yang disediakan melalui DOME dan perkhidmatan IPVPN, UniSZA boleh menaik infrastruktur rangkaian internetnya, sekali gus meningkatkan lagi kecekapan operasi dan memperkaya pengalaman yang dinikmati oleh masyarakat kampus.

"Menerusi perkhidmatan ini, UniSZA menjadi pelanggan pertama TM di wilayah Pantai Timur yang diperuntukan akses kelajuan Gbps, meletakkan UniSZA menda-

hului lain-lain institusi pengajian tinggi," katanya dalam satu kenyataan.

Hamdan dan Pengurus Besar TM Terengganu, Hamidun Ismail menandatangani bagi pihak TM dan UniSZA pula oleh Naib Canselornya, Profesor Dr. Yahaya Ibrahim serta Pengarah Pusat Pengajian Teknologi Maklumat, Dr. Zarina Mohamad.

Ujarnya lagi, dengan sambungan internet yang dipertingkat, UniSZA juga akan dapat berhubung dengan kampus-kampus lain dengan lebih laju dan efisien.



**HAMDAN Ismail (dua dari kiri) bertukar-tukar dokumen perjanjian dengan Yahaya Ibrahim selepas majlis menandatangani Perjanjian Perkhidmatan antara TM dan UniSZA di Kuala Lumpur, semalam.**